

# Utamakan tugas dari gaji — Dr. M

KUALA LUMPUR, Khamis

**TIMBALAN** Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa pegawai-pegawai Kerajaan supaya lebih mementingkan tugas dan tanggungjawab mereka dari gaji atau ganjaran yang diterima.

Berucapa kepada pegawai-pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Awam selepas menden- gar taklimat oleh Ketua Pengarah JPA Tan Sri Abdul Aziz Zakaria, beliau menegaskan pegawai-pegawai harus mengambil sikap be- kerja bukan semata-mata kerana gaji tetapi kerana sayangkan negara.

"Saya tidak percaya kita semua boleh bekerja dengan berkesan semata-mata dengan upahan ker- ana setiap orang berpendapat upahan yang diberi itu tidak mencukupi," tambah beliau.

## Kukuh

Tegasnya, asas perasaan tidak puas hati itu akan bertambah kukuh sehingga seseorang itu tidak boleh lagi memikirkan soal lain melainkan soal gaji.

Katanya, "Saya adalah salah seorang Timbalan Perdana Menteri yang bergaji 'paling rendah' di dunia ini di samping tidak ada ketentuan dalam pekerjaan.

"Saya terpaksa menghadapi jemaah temuduga yang terdiri dari bukan empat lima orang tetapi berpuluh-puluh ribu pengundi yang akan menentu- kan nasib saya.

"Oleh kerana saya seorang pegawai sementara sepatutnya saya menerima gaji lebih lumayan," tambah beliau berjenaka.

Tetapi, katanya, kita tidak boleh membiarkan diri kita dipengaruhi oleh pemikiran seperti itu kerana kita mempunyai tugas yang harus dilaksanakan — tugas yang harus dilaksanakan dengan baik.

## Sanggup

Tambahnya, Malaysia boleh maju seperti negara- negara Eropah jika kita sanggup bekerja keras dan bertungkus lumus untuk mencapai kemajuan yang dicita.

Negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan mencapai kemajuan yang pesat melalui disiplin dan ketekunan bekerja.

Oleh itu, beliau berharap JPA sebagai nadi pen- tabbiran di negara ini akan dapat menggalakkan pegawai dan kakitangannya bekerja keras dan men- disiplinkan diri mereka.

"Fikirkan apa kamu boleh sumbangkan kepada negara dan bukan berapa negara boleh bayar kepa- da perkhidmatan kamu," jelas beliau.

Beliau memberi amaran, JPA tidak ada tempat bagi pegawai-pegawai yang tidak dedikasi dan sesia- pa yang tidak boleh mengubah sikap mereka hen- daklah mencari pekerjaan di tempat lain.